



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
MAJLIS SIMPOSIUM EVOLUSI
BAHASA: DAHULU, KINI & MASA
HADAPAN**

**22 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)
5.30 PETANG**

**DEWAN NG AH CHOO
KOLEJ UNIVERSITI NEW ERA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

**disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Syukur, kita semua dapat berkumpul bersama di Kolej Universiti New Era hari ini untuk program ***Simposium Evolusi Bahasa: Dahulu, Kini, dan Masa Hadapan***. Simposium ini menjadi platform istimewa untuk kita mendalami evolusi bahasa serta pengaruhnya dalam membentuk identiti, budaya, dan perpaduan negara.
2. Untuk makluman semua, Kementerian Perpaduan Negara telah mengubal **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** merupakan **dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat**. Konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian digunakan untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

3. Tunjang kepada teras dan strategi DPN ialah **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**. Sejarah dan semangat di sebalik Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat dan menjadi asas kepada semua dasar Kerajaan. Dasar ini menetapkan hala tuju perpaduan negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur.

BAHASA DAHULU: AKAR SEJARAH DAN IDENTITI BANGSA

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. **Bahasa Melayu mula digunakan pada alaf pertama yang dikenali sebagai Bahasa Melayu Kuno**, iaitu bahasa di bawah rumpun bahasa Austronesia. Dalam tempoh dua alaf, bahasa Melayu telah melalui pelbagai fasa perkembangan yang terdiri daripada lapisan demi lapisan pengaruh asing yang berbeza melalui perdagangan antarabangsa, pengembangan agama, penjajahan dan perkembangan trend sosiopolitik baharu.
5. Dari abad ke-19 hingga ke-20, bahasa Melayu berkembang secara progresif melalui penambahbaikan ketara tatabahasa dan pengayaan leksikal sehingga menjadi sebuah bahasa moden yang mempunyai lebih daripada 800,000 frasa dalam pelbagai disiplin ilmu.

6. Bahasa Melayu, dengan kekayaan kosa kata dan struktur yang sangat indah, telah menjadi **wahana penting dalam menyebarkan ilmu, seni, dan budaya**. Pada zaman dahulu, **Bahasa Melayu telah memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan satu identiti yang kukuh bagi masyarakat kita**.
7. Ia bukan hanya bahasa utama yang digunakan dalam pelbagai urusan kehidupan seharian, tetapi juga merupakan bahasa yang menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan etnik di Tanah Melayu, dan seterusnya di Malaysia. Pada ketika itu, bahasa Melayu juga menjadi medium dalam proses dakwah, perdagangan, serta pembentukan institusi pendidikan dan pentadbiran.

BAHASA KINI: ALAT PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Pada hari ini, kita hidup dalam dunia yang semakin global dan berhubung rapat antara satu sama lain. **Bahasa kini berfungsi bukan hanya untuk menghubungkan kita di dalam negara, tetapi juga dengan dunia luar. Bahasa Melayu kini menjadi bahasa kebangsaan Malaysia, dan ia adalah simbol perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai bangsa, agama dan budaya.**

9. Namun begitu, **kita juga tidak boleh melupakan pentingnya bahasa-bahasa lain yang menjadi bahagian integral daripada kehidupan masyarakat kita, seperti bahasa Cina, Tamil, Iban dan lain-lain**, yang mewakili kepelbagaian etnik yang wujud di negara ini.
10. Dalam konteks semasa, bahasa telah berperanan dalam membentuk keperibadian bangsa yang progresif, berpendidikan, dan terbuka kepada perubahan. Kita dapat lihat dengan jelas bahawa bahasa yang digunakan dalam komunikasi harian tidak hanya mengutamakan kelancaran, tetapi juga kesopanan dan penghargaan terhadap pelbagai budaya yang ada. Ini adalah suatu pencapaian yang sangat penting dalam pembinaan negara bangsa yang harmoni.
11. Bahasa adalah asas perpaduan yang menjadi pemangkin kepada keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Kementerian Perpaduan Negara melalui **Dasar Perpaduan Negara (DPN) telah mengangkat bahasa sebagai elemen utama dalam membentuk identiti nasional, merapatkan hubungan antara kaum, dan memperkukuhkan semangat kenegaraan.**
12. Kementerian melalui Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia tidak ketinggalan dalam mengangkat agenda memperkasakan Bahasa. Antara usaha dan inisiatif yang telah dilakukan adalah :

- I. 11 siri Bicara Bahasa Kolokial
- II. Konvensyen Bahasa Kolokial
- III. Program Sanggar Puisi (Sajak, Syair dan Pantun)
- IV. Persidangan Manuskrip Melayu
- V. Wacana Manuskrip Melayu
- VI. Karnival Bahasa Melayu

BAHASA MASA DEPAN: KELESTARIAN DAN PEMERKASAAN

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

13. **Seiring dengan perkembangan teknologi dan digitalisasi, kita perlu menjadikan bahasa Melayu lebih dinamik dan fleksibel**, agar ia dapat digunakan dalam pelbagai platform, termasuk media sosial, aplikasi digital, dan dalam dunia yang penuh dengan kecerdasan buatan (AI).
14. Kita harus **membina satu masyarakat yang celik bahasa**, yang bukan sahaja fasih dalam bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda masing-masing, tetapi juga dalam bahasa asing yang membuka peluang lebih luas untuk berhubung dengan dunia luar. Inilah yang saya panggil sebagai **masyarakat "multi-linguistic"**, yang bukan sahaja tahu bagaimana untuk berkomunikasi, tetapi juga tahu bagaimana untuk menghargai kepelbagaian budaya dan bahasa yang ada di sekeliling.

15. Selain itu, saya turut dimaklumkan bahawa Kolej Universiti New Era telah menubuhkan Pusat Interaksi Pelbagai Etnik. Penubuhan **Pusat Interaksi Pelbagai Etnik** adalah satu langkah yang amat signifikan dan tepat pada masanya dalam usaha memperkukuhkan perpaduan nasional.
16. Dalam era yang semakin kompleks, dengan cabaran sosial dan ekonomi yang menguji hubungan antara komuniti, pusat ini menjadi platform strategik untuk merapatkan jurang perbezaan budaya dan memupuk keharmonian rakyat berbilang kaum. Pusat ini membantu rakyat melihat diri mereka sebagai "Bangsa Malaysia" yang berkongsi warisan bersama, walaupun berbeza budaya.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

17. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penubuhan **Pusat Interaksi Pelbagai Etnik** dan menjayakan acara penting ini.
18. Dengan sukacitanya, **saya merasmikan Pusat Interaksi Pelbagai Etnik Kolej Universiti New Era & juga merasmikan Penutupan *Simposium Evolusi Bahasa: Dahulu, Kini, dan Masa Hadapan*.**

Sekian, terima kasih.